



PM - DEMOKRASI 3 BANDAR TUN RAZAK

+KITA TIDAK BOLEH MENYALAHGUNAKAN DEMOKRASI KERANA IA IBARAT PISAU YANG JIKA PANDAI MENGGUNAKANNYA, IA BOLEH MENGUKIR BNUNGA YANG CANTIK TETAPI JIKA TIDAK PANDAI MENGGUNAKANNYA, IA MEMBINASAKAN DIRI KITA, + TAMBAHNYA

PERDANA MENTERI MEMUJI PENDUDUK NEGARA INI KERANA BIJAK MENGGUNAKAN KUASA YANG ADA MENERUKSI SISTEM DEMOKRASI DENGAN MEMILIH PARTI-PARTI DAN CALON-CALON YANG BERGUNA KEPADA MEREKA PADA SETIAP PILIHAN RAYA.

+ADA YANG BERLAMBANGKAN BULAN, BILA BULAN TERANG MASUK RUMAH ROBEK KITA INI. BULAN SEBENARNYA TEMPATNYA DI LANGIT... OLEH ITU LUPAKANLAH CALON MEREKA. PILIH ORANG YANG BERJASA KEPADA KITA, + KATANYA DENGAN SAMBUTAN GELAK KETAWA KIRA-KIRA 40,000 ORANG YANG MENGHAOXRI UPACARA ITU.

BELIAU MENINGATKAN PENEROKA FELDA KHUSUSNYA OLEH SEBAB SISTEM DEMOKRASI AMALAN KERAJAAN, FELDA DAPAT DIWUJUDKAN DAN BERBAGAI-BAGAI PROJEK PEMBANGUNAN YANG MENDATANG FAEOAH KEPADA RAKYAT DI SELURUH NEGARA DAPAT DILAKSANAKAN.

DATUK SERI OR. MAHATHIR TIDAK MAHU NEGARA INI MENJADI NEGARA MENGAMALKAN SISTEM AUTOKRASI ATAU BIROKRASI PAO A ZAMAN KOLONIAL DULU DI MANA MEREKA YANG BERKHIDMAT KEKAL SEHINGGA PENCEN APABILA BERUMUR PM-DEMOKRASI 4 BANDAR TUN RAZAK

+DEMOKRASI BERGANTUNG KEPADA SUARA RAMAI DAN JIKA SUARA RAMAI MENDESAK, KERAJAAN DAN PENGGUBAL UNDANG-UNDANG TERPAKSA MELAKSANAKAN HASRAT RAKYAT KERANA JIKA TIDAK RAKYAT MEMPUNYAI KUASA, MENYINGKIRKAN MEREKA TERMASUK SAYA.

KEPADA PARA PENEROKA, BELIAU MEMINTA MEREKA INSAF DAN SEDAR BAHAWA KEADAAN HIDUP MEREKA KINI JAUH BERUBAH OLEH SEBAB SISTEM DEMOKRASI YANG DIAMALKAN OLEH KERAJAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MERAYU MEREKA SUPAYA MEMATUHI ARAHAN, BERDEDIKASI, BERDISIPLIN KERANA TANPA NILAI-NILAI ITU ADALAH MUSTAHIL MEREKA MENCAPAI KEJAYAAN. --BERNAMA 1640/JJ